

**K'jaan Sudah Ambil Langkah Bagi Tangani Jenayah - Idris Jala
Bernama
27 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Orang ramai yang membuat aduan polis di Selangor boleh mengikuti perkembangan siasatan kes masing-masing dalam talian tanpa ke balai polis, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala.

Beliau berkata pengadu hanya memerlukan nombor laporan bagi memantau perkembangan siasatan termasuk sama ada suspek ditahan atau didakwa berhubung dengan aduan mereka.

"Mungkin kita adalah satu-satunya negara yang melaksanakan sistem ini dan kita juga bekerja rapat dengan agensi penguatkuasaan lain dari New York dan Hong Kong dalam meningkatkan kepolisan," katanya.

Idris, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu), berkata demikian ketika menjawab kebimbangan mengenai kadar jenayah yang dibangkitkan oleh Presiden Majlis Peguam, Lim Chee Wee, semasa sesi soal jawab pada Persidangan Undang-Undang Antarabangsa Malaysia 2012 di sini hari ini.

Beliau berkata sistem penarafan kajian pelanggan (CSR), yang dilancarkan sebagai projek rintis pada 25 Okt tahun lepas, turut menyediakan ruang untuk maklum balas mengenai mutu perkhidmatan dengan hanya menekan butang pada mesin khas di balai-balai polis atau menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS).

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697879>